

yang tidak berkasut, tidak berpakaian, miskin, penggembala kambing berlomba-lomba dan saling berbangga-bangga dalam mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi”.⁵⁷ Kemudian lelaki itu pergi. Tiga hari selepas itu rasulullah s.a.w. bertanya aku:⁵⁸

باب الأولى (lebih-lebih lagi). Maksudnya ialah kalau anak perempuan boleh menjadi tuan kepada ibunya di akhir zaman, anak laki-laki lebih-lebih lagilah adanya. **Apakah maksud sabda Baginda s.a.w.:** “Bila hamba wanita melahirkan tuannya.” Macam-macam pandangan ‘ulama’ dinukilkan. Antara lainnya ialah: (1) Peraturan dan sistem dunia akan bercelaru. Yang utama menjadi tidak utama. Yang tidak utama pula dianggap utama. Pada ketika itu tampuk kekuasaan akan diserahkan ke tangan orang yang tidak berkelayakan, sesuai dengan satu hadits lain yang berbunyi: إِذَا وَسَدَّ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ Bermaksud: Apabila tampuk kekuasaan akan diserahkan ke tangan orang yang tidak berkelayakan, maka tunggulah kiamat (itulah masa akan berlaku kiamat). (Hadits riwayat al-Bukhari). (2) Ia mengisyaratkan kepada terabainya hak-hak ibu bapa di akhir zaman. Ibu bapa, terutamanya ibu seperti tersebut di dalam hadits ini, akan dilayani dengan buruk. Mereka dihina, ditengkeng, dimaki hamun dan disuruh berkerja seperti hamba abdi oleh anak-anak sendiri. (3) Anak-anak hamba akan menjadi pemerintah. Pada ketika itu ibunya akan menjadi ra'ayat kepadanya. (4) Sabda Rasulullah s.a.w. ini mengisyaratkan kepada banyaknya jumlah hamba dan zuriat mereka di akhir zaman. Sebabnya ialah sistem perhambaan tersebar dengan meluas sekali sehingga seseorang ibu yang merupakan hamba berkemungkinan diwarisi atau dibeli oleh anaknya sendiri. Kemudian ia dilayani sebagai hamba oleh anaknya itu. (5) Pada pendapat penulis, termasuk juga dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini perempuan-perempuan yang berkerja di luar rumah untuk menampung keperluan hidup semasa. Si ibu pula memenuhi keperluan anak perempuannya itu dengan berkerja di rumah seperti pembantu rumah atau orang gaji. Dalam keadaan ini الأمة yang tersebut di dalam hadits di atas tidak lagi dipakai dengan ma'na hamba perempuan. Tetapi dengan ma'na seorang ibu atau seorang perempuan sahaja. Sama ada ia merdeka atau hamba. Perkataan رَبَّتْهَا pula dipakai dengan ma'na asalnya sebagai perkataan mu'annats tanpa sebarang ta'wilan. Sabda Rasulullah s.a.w. ini seolah-olahnya menggambarkan salah satu daripada beberapa fenomena masyarakat akhir zaman. Orang-orang yang terlibat seharusnya berwaspada dan mengambil i'tibar daripada sabda Baginda s.a.w. itu. Jangan sekali-kali kalau ditaqdirkan ibu anda yang menjaga anak-anak anda di rumah, dia yang menyempurnakan urusan rumah tangga anda, tiba-tiba dia dilayan seperti pembantu rumah atau orang gaji pula. Penulis juga berpendapat, pendapat ke (4) mungkin sekali tidak dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. kerana pada masa Baginda s.a.w. sendiri fenomena seperti itu telah pun wujud.

⁵⁷ Maksud sabda Nabi s.a.w. ini ialah orang-orang yang dahulunya miskin, papa kedana, tidak berkelayakan, berkerja sebagai penggembala kambing dan hidup dengan hanya menumpang orang lain, kemudiannya menjadi orang-orang ternama dan maju dalam bidang keduniaan. Mereka juga mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kalangan bangsawan dan raja-raja yang memerintah sebelumnya. Pendek kata perubahan radikal dan revolusi sosial akan berlaku di mana-mana. Keadaan masyarakat menjadi terbalik paih dan betul-betul bertukar wajahnya.

⁵⁸ Ini adalah terjemahan فَلْيَبْتَثْ مَلِيًّا yang paling sesuai pada pandangan penulis. فَلْيَبْتَثْ مَلِيًّا adalah satu simpulan bahasa Arab yang asalnya bererti “Setelah berlalu kepadaku suatu jangka masa yang panjang (lama) atau setelah berlalu kepadaku beberapa ketika”. Tetapi jangka masa yang lama atau beberapa ketika itu tidak pula ditentukan batasnya. Terjemahan yang diberikan oleh penulis di atas adalah berasaskan dua fakta berikut: (1) Riwayat Abu Daud, Ahmad, Nasaa'i,

“Wahai ‘Umar, tahukah kamu siapakah lelaki itu? Jawabku: “Hanya Allah dan RasulNya yang lebih tahu”. Kata Nabi s.a.w.: “Itulah Jibril. Dia datang kepada kamu untuk mengajarkan (asas-asas) agama kamu”.⁵⁹ (Hadits riwayat Muslim).⁶⁰ Abu

Tirmizi dan Baihaqi menjelaskan jangka masa yang tidak jelas di dalam riwayat ini. Lafaz riwayat mereka ialah فَلَبِثْتُ ثَلَاثًا . Di dalam satu riwayat Tirmizi yang lain Saiyyidina ‘Umar berkata: فَلَقِيتُ النَّبِيَّ بَعْدَ ثَلَاثٍ (selepas tiga malam kemudiannya). Di dalam satu lagi riwayat Tirmizi tersebut: فَلَبِثْتُ لَيْلًا فَلَقِيتُ النَّبِيَّ بَعْدَ ثَلَاثٍ (Nabi s.a.w. bertemu denganku selepas tiga malam kemudiannya). Ibnu Hibbaan meriwayatkan dengan lafaz بَعْدَ ثَلَاثَةِ (selepas malam ketiganya). Di dalam riwayat Ibnu Mandah pula tersebut dengan lafaz بَعْدَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ (selepas tiga hari). Semuanya menunjukkan selepas tiga malam atau tiga hari. (2) Menurut sesetengah ahli bahasa ‘Arab, perkataan مَلِيّ itu sendiri sememangnya bererti tiga malam. مَلَوَانِ bererti malam dan siang. **Kenyataan di dalam hadits ini** zahirnya kelihatan bercanggah dengan apa yang tersebut di dalam riwayat Abu Hurairah. Kerana di dalam riwayat Abu Hurairah tersebut, selepas orang itu pergi Rasulullah s.a.w. terus berkata: رُدُّوهُ عَلَيَّ فَالْتَّمَسَ قَلَمٌ يَجِدُوهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا جِبْرِيلُ أَرَادَ أَنْ تَعْلَمُوا إِذْ لَمْ تَسْأَلُوا Bermaksud: “Kembalikan semula orang itu kepadaku.” Maka dicarilah dia, tetapi mereka tidak menemuinya. Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ini Jibril, oleh kerana kamu tidak bertanya, dia hendak kamu tetap mendapat ilmu.” (Hadits riwayat Muslim). Riwayat ‘Umar di atas pula menyebutkan selepas tiga hari, baru Rasulullah s.a.w. bertanya ‘Umar tentang orang yang telah datang kepada Baginda itu dan menceritakan kepada beliau siapa orang itu sebenarnya. Para ‘ulama’ hadits menthathiqkan (memadankan) kedua hadits ‘Umar dan Abu Hurairah dengan mengatakan, mungkin ‘Umar kerana ada sesuatu hal telah meninggalkan majlis tersebut sebaik sahaja segala pertanyaan Jibril selesai dijawab Rasulullah s.a.w. Beliau tidak berada di majlis itu hingga ke akhirnya. Maka tidak sempatlah beliau mendengar keterangan Rasulullah s.a.w. yang terdapat di akhir riwayat Abu Hurairah r.a. Adapun orang-orang lain, termasuk Abu Hurairah sendiri sempat mendengar keterangan Baginda terus sebaik sahaja mereka gagal mendapatkan Jibril selepas majlis itu berakhir.

⁵⁹ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Ia merupakan sebuah hadits yang sangat penting dan besar ertinya, kerana terkumpul di dalamnya rukun Islam, rukun iman, pengertian ihsan dan beberapa alamat kiamat. (2) Berkeadaan bersih dan segar ketika menghadhiri majlis ilmu. Sama ada untuk mengajar atau belajar. (3) Menuntut ilmu sebaik-baiknya hendaklah pada ketika masih muda belia dan sihat sejahtera. (4) Beradab dan bersopan santun dengan guru di samping menampakkan minat yang luar biasa kepadanya ketika belajar adalah antara disiplin yang harus ada pada setiap orang pelajar. Itu semua seharusnya dijaga dengan maksud memperolehi perkenan hati guru dan keberkatan ilmunya. (5) Bersikap lembut terhadap pelajar dan mesra dengan penyawal supaya ia berani tampil ke hadapan untuk bertanyakan apa-apa masalah. (6) Di dalam majlis ilmu seseorang boleh bertanya orang alim tentang sesuatu yang sudah diketahuinya dengan maksud supaya jawapannya diketahui juga oleh para hadirin yang lain. (7) Gabungan Islam, iman, ihsan dan lain-lain ma’lumat keugamaan dikatakan diin atau ugama. (8) Islam dan iman digambarkan di dalam hadits ini sebagai dua konsep yang berbeda. Islam lebih menjurus kepada amalan-amalan atau perbuatan-perbuatan zahir. Iman pula lebih menjuruskan kepada amalan-amalan atau perbuatan-perbuatan batin (hati) berupa kepercayaan dan i’tiqad. (9) Kepercayaan kepada taqdir adalah salah satu rukun iman. Oleh kerana persoalan taqdir sering kali membuatkan manusia tergelincir daripada landasan sebenar, Nabi s.a.w. menyebut semula perkataan تَوَكَّلْ (engkau percaya) yang tidak disebutkan sebelum perkara-perkara lain yang

Hurairah juga meriwayatkannya dengan sedikit perbedaan. Di dalam riwayatnya itu tersebut: “Bila kamu melihat orang-orang yang tidak berkasut, tidak berpakaian, tuli dan bisu⁶¹ menjadi raja (pemerintah). Kiamat termasuk dalam salah satu daripada lima perkara yang tidak diketahui kecuali oleh Allah”. Kemudian Nabi membacakan ayat: إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ dan seterusnya.⁶² (Bukhari-Muslim).⁶³

seharusnya diimani seperti malaikat dan lain-lain untuk menarik perhatian semua pihak kepada `aqidah yang sangat penting ini. (10) Pengetahuan tentang bila akan berlaku kiamat termasuk dalam salah satu ilmu yang khusus dengan Allah s.w.t. (11) Orang alim seharusnya tidak malu mengaku ‘tidak tahu’, sekiranya soalan yang ditanya itu memang tidak diketahuinya. Pengakuan seperti itu tidaklah menjejaskan kedudukannya, malah sebaliknya hendaklah dianggap sebagai kelebihan dan sifat rendah dirinya yang terpuji. (12) Antara alamat kiamat ialah keadaan masyarakat berubah teruk. Orang yang mulia jadi hina dan orang yang hina pula jadi mulia. (13) Soalan yang baik boleh dianggap sebagai pengajaran secara tidak langsung. Ini kerana Rasulullah s.a.w. telah berkata tentang Jibril: “Dia datang kepada kamu untuk mengajarkan (asas-asas) agama kamu”. Padahal dalam peristiwa itu Jibril tidak melakukan apa-apa selain hanya bertanya Rasulullah s.a.w. (14) Malaikat boleh menjelma dalam rupa seorang manusia. Jibril a.s. sering kali datang kepada Rasulullah s.a.w. dalam rupa seorang manusia. (15) Selalunya Nabi s.a.w. mengenali Jibril yang datang dalam rupa seseorang manusia. Tetapi pada kali ini Baginda s.a.w. tidak mengenalinya. (16) Ihsan bererti melaksanakan ibadat dan amal kebaikan dengan sebaik mungkin pada zahir dan batinnya. (17) Seseorang yang beragama mestilah menjadi muslim, mu’min dan muhsin dalam erti kata yang sebenarnya.

⁶⁰ Selain Muslim hadits `Umar ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa’i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Abu `Awaanah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, Bukhari tidak meriwayatkannya kerana ketiadaan kesepakatan di antara perawi-perawinya dalam mengemukakannya.

⁶¹ Tuli dan bisu adalah kiasan kepada bodoh dan dungu. Boleh juga ia diertikan dengan orang yang tuli daripada mendengar kebenaran dan orang yang bisu daripada memperkatakan kebenaran. Walaupun secara zahirnya dia tidak tuli dan bisu.

⁶² Ayat ini selengkapnya adalah seperti berikut:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ

تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah, hanya pada sisiNya jualah ada pengetahuan tentang hari Kiamat; dan Dialah yang menurunkan hujan, dan mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok. Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal. (Luqmaan:34).

⁶³ Selain Bukhari dan Muslim, hadits ini diriwayatkan juga oleh Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Majah dan lain-lain.

٢- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ - مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

2- Ibnu `Umar r.a.⁶⁴ meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Islam dibina atas lima⁶⁵ perkara (rukun); iaitu (pertama) bersaksi bahawa sesungguhnya tiada

⁶⁴ Apabila disebut Ibnu `Umar (anak laki-laki `Umar) secara umum begitu, maka dimaksudkan dengannya `Abdullah bin `Umar. Walaupun selain beliau `Umar mempunyai ramai lagi anak laki-laki. Antara sebabnya ialah dia merupakan anak laki-laki `Umar yang paling menonjol. Beliau sering juga dipanggil dengan nama kunyah, Abu `Abdir Rahman. Ibnu `Umar memeluk agama Islam ketika masih kecil bersama ayahandanya `Umar semasa di Mekah, di peringkat awal da`wah Rasulullah s.a.w. Berhijrah ke Madinah bersama ayahnya `Umar. Beliau tidak dibenarkan mengikuti peperangan Badar kerana dianggap belum cukup umur pada ketika itu. Peperangan pertama bersama Rasulullah s.a.w. yang diikuti beliau ialah perang Khandaq. Ketika itu beliau baru berumur lima belas tahun. Kemudian teruslah beliau mengikuti peperangan demi peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah s.a.w. Ibnu `Umar adalah seorang daripada enam orang sahabat yang banyak meriwayatkan hadits. Salah seorang daripada empat orang `Abdul (العبدلة الأربعة). Ibnu `Umar adalah seorang yang sangat wara', alim dan zahid. Selain itu beliau juga dikenali sebagai seorang yang sangat teliti, berhati-hati dan sangat kuat dalam mengikuti sunnah Nabi s.a.w. Beliau kemudiannya dikenali sebagai mahaguru di kalangan sahabat (شيخ الصحابة). Kerana itulah Imam Malik menjadikan beliau sebagai rujukan utama dari kalangan sahabat untuk fiqhnya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda tentangnya, kata Baginda s.a.w.: “Sesungguhnya `Abdullah adalah seorang lelaki yang baik (saleh).” Kata Ibnu Mas`ud: “Ibnu `Umar adalah antara pemuda Quraisy yang paling dapat mengawal dirinya daripada (pengaruh) dunia.” Sa'id bin al-Musaiyyab berkata: “Tidak ada orang di muka bumi ini yang lebih aku suka menemui Allah dalam keadaan membawa amalan sepertinya daripada Ibnu `Umar pada hari beliau meninggal dunia.” Kata Naafi': “Ibnu `Umar meninggal dunia setelah memerdekakan lebih seribu orang hamba.” Banyak lagilah kelebihan-kelebihan dan keutamaan-keutamaan beliau yang dicatatkan oleh para `ulama' di dalam kitab-kitab mereka. Satu ribu enam ratus tiga puluh (1,630) hadits telah diriwayatkan daripada beliau. Satu ratus tujuh puluh (170) hadits daripadanya telah diriwayatkan bersama oleh Bukhari dan Muslim. Lapan puluh satu (81) daripadanya telah diriwayatkan oleh Bukhari sahaja. Tiga puluh satu (31) daripadanya pula telah diriwayatkan oleh Muslim sahaja. Selepas Abu Hurairah beliaulah sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadits. Ibnu `Umar wafat pada tahun 73H. ketika berumur 84 tahun. Sesetengah `ulama' berpendapat ketika berumur 86 tahun. Ramai sekali orang-orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau dari kalangan sahabat dan tabi'in r.a.

⁶⁵ Perkataan lima di sini adalah terjemahan kepada perkataan خمس yang merupakan isim `adad. Tamyiz bagi `adad mumaiyyaz ini tidak disebutkan. Sama ada ia ditaqdirkan dengan perkataan دعائم (tiang). Riwayat `Abdur Razzaaq dan Muhammad bin Nashr di dalam Kitab as-Shalah bahkan dengan jelas menyebutkan perkataan ini. Ia boleh juga ditaqdirkan dengan perkataan خصال (perkara) atau قواعد (prinsip). Semuanya harus dan betul. Di dalam Sahih Muslim tidak tersebut خمس, tetapi sebaliknya خمسة. Maka ma'dudnya hendaklah ditaqdirkan dengan أشياء (perkara), أركان (rukun) atau أصول (asas). Tetapi menurut ahli-ahli tahqiq dalam ilmu Nahu